

# TEKNIK SOAL JAWAB

MOHAMED NAIM DAIPI

3

# TEKNIK SOAL JAWAB



**Teknik SOAL JAWAB membolehkan murid menulis struktur ayat secara hampir bebas. Mereka dipandu dengan menjawab satu siri soalan.**

# 3 TEKNIK SOAL JAWAB




**Soalan boleh berdasarkan maklumat dalam bentuk nota, senarai atau gambar bersiri.**

# 3 TEKNIK SOAL JAWAB

***Soalan ditanyakan berdasarkan maklumat .***
***Contoh: Tugas harian seorang perajurit.***

| | |
|---|---|
| ***5.30*** | ***bangun pagi*** |
| ***5.35*** | ***kemaskatil*** |
| ***5.40*** | ***bersenam*** |
| ***6.10*** | ***mandi*** |
| ***6.25*** | ***menggilap but dan butang*** |
| ***6.45*** | ***memakai uniform*** |
| ***7.00*** | ***berbaris dan upacara menaikkan bendera*** |



**Soalan contoh:**

- **Pukul berapa perajurit bangun?**
- **Apa yang dibuat selepas itu?**
- **Bagaimana dia mengemas katilnya?**
- **Bagaimana keadaan katilnya selepas itu?**

# 3 TEKNIK SOAL JAWAB

**Soalan-soalan yang berbentuk peribadi:**

- **Bila dan di manakah anda dilahirkan?**
- **Siapakah nama ibu bapa kamu? dsb**



**Atau soalan berbentuk pengalaman**

- **Bilakah kamu pergi berkhemah?**
- **Dengan siapakah kamu berkelah?**
- **Bagaimanakah kamu ke sana?**
- **Apakah peristiwa yang kamu alami?**



# TUGASAN
## TEKNIK SOAL JAWAB



- Bercuti di Kampung Datuk
- Bermalam di Rumah Teman
- Misteri Sebuah Pondok
- Tetamu Tidak Diundang
- Kisah Duka Pagi Lebaran
- Dipanggil Ilahi
- Hari Ulang Tahun Yang Muram
- Setibanya di Puncak Gunung

# SETIBANYA DI PUNCAK GUNUNG




- Bagaimanakah keadaan di sekeliling kawasan itu?
- Berapakah ketinggian puncak gunung itu?
- Bagaimanakah perasaan pendaki-pendaki gunung itu?

- Apakah rintangan yang dihadapi sebelum sampai ke puncak itu?
- Bagaimanakah rintangan tersebut diatasi?
- Apakah tekad kamu sewaktu mendaki gunung itu?




# SETIBANYA DI PUNCAK GUNUNG

- Mengapakah kamu hendak mendaki gunung itu?
- Siapakah yang menganjurkan pendakian itu?
- Apakah persiapan sebelum pendakian itu?
- Apakah latihan-latihan yang dijalankan sebelum pendakian itu?

# SETIBANYA DI PUNCAK GUNUNG




- Apakah yang dilakukan setibanya di puncak
- Mengapakah kamu hendak berada di puncak itu selama dua hari?
- Katakan seorang pendaki sesak nafas ketika berada di puncak. Siapakah pendaki itu?
- Mengapakah pendaki itu sesak nafas? Berikan pandangan
- Apakah tindakan terhadap kejadian itu?




# SETIBANYA DI PUNCAK GUNUNG

- Bagaimanakah mereka merawat pendaki itu?
- Siapakah yang telah mendapatkan bantuan?
- Bilakah bantuan yang diperlukan itu tiba?
- Di manakah pesakit dibawa bagi rawatan lanjutan?
- Kamu terpaksa pulang akibat kejadian itu. Apakah perasaan kamu?